

PENGURUSAN MASA PELAJAR KEJURUTERAAN PENDIDIDIKAN JARAK
JAUH(PJJ) DI UNIVERSITI SAINS MALAYSIA (USM): KE ARAH
PEMBINAAN JADUAL PENGURUSAN MASA PELAJAR KEJURUTERAAN
SECARA JARAK JAUH

AZNIRA BINTI ZAINAL

Projek Sarjana ini dikemukakan
sebagai memenuhi sebahagian daripada syarat
penganugerahan Ijazah Sarjana Pendidikan Teknik dan Vokasional

Jabatan Pendidikan Teknik dan Vokasional
Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn

MAC 2004

Khas untuk ayahanda tersayang :

Zainal bin Udin

Arwah bonda tercinta:

Allahyarhamah Ramizah bt. Fathodin

Keluarga yang dikasihni :

Azriman bin Zainal

Aizam bin Zainal

Arliza binti Zainal

Aidi Syahreen bin Zainal

Anis binti Zainal

Aini binti Zainal

Atifah binti Zainal

*Ucapan jutaan terima kasih kerana sentiasa memberi sokongan dan dorongan
kepadaku serta sentiasa mendoakan kejayaanku selama ini tanpa jemu.*

Semoga kita semua memperoleh

kebahagian di dunia

dan akhirat.

WASSALAM



PTTA
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH

PENGHARGAAN

“ Dengan nama Allah Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang ”.

Alhamdulillah, bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah dan kurnianya dapatlah saya menyiapkan projek sarjana ini mengikut perancangan yang telah ditetapkan.

Sekalung penghargaan ikhlas ditujukan khas buat Encik Badaruddin bin Ibrahim, selaku penyelia projek sarjana di atas segala sumbangan idea, bimbingan, nasihat dan tunjuk ajar beliau yang amat berguna sepanjang penulisan projek ini serta segala pengalaman bersama menyiapkan projek ini akan sentiasa terpahat kukuh di sanubari.

Setinggi-tinggi penghargaan juga ditujukan kepada kesemua pelajar program Pendidikan Jarak Jauh aliran kejuruteraan Universiti Sains Malaysia (USM) dan kakitangan Universiti Sains Malaysia(USM) di atas kerjasama yang diberikan.

Tidak lupa juga sekalung penghargaan kepada rakan-rakan seperjuangan yang turut membantu menyiapkan projek sarjana ini. Adalah diharapkan kajian ini dapat memberi manfaat dan memuaskan hati semua pihak yang terlibat.



ABSTRAK

Pengurusan masa yang berkesan amat penting dalam kehidupan seseorang pelajar. Apatah lagi, jika ia melibatkan pelajar pendidikan jarak jauh yang mempunyai lebih dari satu komitmen dalam satu masa. Ekoran dari permasalahan ini, kajian ini dibuat bertujuan untuk melihat sejauhmana keperluan penggunaan jadual pengurusan masa di kalangan pelajar yang mengikuti program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) aliran kejuruteraan di Universiti Sains Malaysia. Kajian ini juga melihat item-item yang diperlukan dalam menghasilkan jadual pengurusan masa di kalangan pelajar kejuruteraan secara jarak jauh dan melihat bagaimanakah jadual pengurusan masa tersebut mampu membantu pelajar kejuruteraan secara jarak jauh mengatur aktiviti mereka. Terdapat 35 set soal selidik telah diedarkan kepada responden bagi memenuhi kajian ini. Dalam kajian ini, pengkaji menggunakan kaedah kuantitatif untuk mendapatkan data. Berdasarkan dapatan kajian, didapati bahawa pelajar program Pendidikan Jarak Jauh aliran kejuruteraan di Universiti Sains Malaysia (USM) memerlukan jadual pengurusan masa dalam mengatur aktiviti mereka. Antara item yang perlu ada dalam jadual pengurusan masa tersebut ialah ibadat, mengulangkaji, kerja, perjalanan berulang alik ke tempat kerja, belajar secara Pendidikan jarak Jauh (PJJ), riadah dan sukan, perjalanan berulang alik ke tempat belajar, masa untuk keluarga dan rakan, belajar secara berkumpulan dan belajar secara bersendirian. Dengan adanya jadual pengurusan masa ia akan mampu membantu pelajar kejuruteraan secara jarak jauh mengatur aktiviti mereka. Jadual perancangan kerja, jadual masa harian, jadual perancangan harian dan jadual perancangan mingguan merupakan pendekatan yang dicadangkan dan boleh dipraktikkan agar masa dapat diatur dengan lebih sistematik.

ABSTRACT

The effective time management is important in student's life especially to distance learning students who have more than one commitment at the same time. Due to this matter, the purpose of this research is to see how far the need of the time management table among the engineering distance learning students at Universiti Sains Malaysia (USM). This research also focusing on the items that need to produce the effective time management table among this students and how can this timetable helps them to arrange their activities. There are 35 sets of questionnaire distributed to the respondent in this research. A quantitative method was used in this research to gain the data. Based on the research result, the engineering students for distance learning program in USM need a time management table to arrange their activities. Among the items needed in the time management table are prayers, revision, work, traveling to workplace, distance learning studying, sports and recreation, traveling to study place, time for family and friends, group discussion and individual learning. With the time management table, it will help the distance learning engineering students to arrange their activities. Work management table, daily timetable, daily management table and work management table are the suggested method that can be practiced so that time can be arranged more systematically.



KANDUNGAN

BAB	PERKARA	MUKA SURAT
	PENGESAHAN STATUS TESIS	
	PENGESAHAN PENYELIA	i
	JUDUL	ii
	PENGAKUAN	iii
	DEDIKASI	iv
	PENGHARGAAN	v
	ABSTRAK	vi
	ABSTRACT	vii
	SENARAI KANDUNGAN	viii
	SENARAI JADUAL	xii
	SENARAI RAJAH	xiii
	SENARAI SINGKATAN	xv
	SENARAI LAMPIRAN	xvi
BAB I	PENDAHULUAN	
	1.1 Pengenalan	1
	1.2 Latar Belakang Masalah	2
	1.3 Pernyataan Masalah	4
	1.4 Persoalan Kajian	5
	1.5 Objektif Kajian	6
	1.6 Kerangka Teori	7
	1.7 Kepentingan Kajian	8

1.8	Skop Kajian	8
1.9	Batasan Kajian	9
1.10	Definisi Istilah dan Pengoperasian	10

BAB II SOROTAN KAJIAN

2.1	Pengenalan	13
2.2	Universiti Terbuka dan Pembelajaran Terbuka	14
2.3	Pendidikan Jarak Jauh (PJJ)	15
2.4	Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) di Malaysia	19
2.5	Teori Pendidikan Jarak Jauh	20
2.5.1	Teori Pembelajaran Bebas	21
2.5.2	Teori Autonomi dan Jarak Berurus	24
2.5.3	Teori Interaksi dan Komunikasi	27
2.6	Perkembangan Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) di Universiti Sains Malaysia (USM)	28
2.7	Pendidikan Jarak Jauh Kejuruteraan di Universiti Sains Malaysia (USM)	29
2.8	Sokongan Diri Terhadap Pembelajaran Pendidikan Jarak Jauh (PJJ)	30
2.9	Keraguan Sistem Pendidikan Jarak Jauh	33
2.10	Pengurusan Masa	34
2.11	Jadual Pengurusan Masa	36

BAB III METODOLOGI KAJIAN

3.1	Pengenalan	41
3.2	Rekabentuk kajian	41
3.3	Tempat Kajian	42
3.4	Populasi	42

3.5	Sampel Kajian	43
3.6	Kaedah Pengumpulan Data	43
3.6.1	Data Primer	43
3.6.2	Data Sekunder	44
3.7	Instrumen Kajian	44
3.8	Kaedah Analisis Data	45
3.8.1	Pembolehubah Bersandar	47
3.8.2	Pembolehubah Tak Bersandar	47
3.9	Andaian Kajian	47
3.10	Kajian Rintis	48
3.11	Tatacara Kajian	49

BAB IV DAPATAN KAJIAN

4.1	Pengenalan	50
4.2	Analisis Bahagian A- Keperluan Jadual Pengurusan Masa	50
4.3	Analisis Bahagian B- Item Yang Perlu Ada Dalam Membentuk Jadual Pengurusan Masa	66
4.4	Analisis Bahagian C- Kepentingan Jadual Pengurusan Masa	67

BAB V RUMUSAN DAN CADANGAN

5.1	Pengenalan	75
5.2	Perbincangan	76
5.2.1	Keperluan Penggunaan Jadual Pengurusan Masa di Kalangan Pelajar Program Pendidikan Jarak Jauh Aliran Kejuruteraan di Universiti Sains Malaysia (USM)	76

5.2.2	Mengenalpasti Item-item Yang Perlu Ada Dalam Membentuk Jadual Pengurusan Masa Bagi Pelajar Kejuruteraan Secara Jarak Jauh	78
5.2.3	Kemampuan Jadual Pengurusan Masa Membantu Pelajar Pendidikan Jarak Jauh Mengatur Aktiviti Mereka	80
5.3	Cadangan	81
5.3.1	Cadangan Kepada Pelajar Kejuruteraan Pendidikan Jarak Jauh	81
5.3.2	Cadangan Kepada Institusi	87
5.3.3	Cadangan Untuk Kajian Lanjutan	87
5.4	Penutup	88

BIBLIOGRAFI

89

LAMPIRAN

LAMPIRAN A

93

LAMPIRAN B

99



SENARAI JADUAL

NO. JADUAL	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Contoh Jadual Masa Harian Seorang Pekerja	39
2.2	Contoh Jadual Masa Harian Seorang Pelajar	40
3.1	Skala Likert Empat Mata	45
3.2	Ukuran Tafsiran Min Bahagian A dan B	46
3.3	Ukuran Tafsiran Min Bahagian C	46
4.1	Tempat Belajar Terbaik	51
4.2	Waktu Belajar Terbaik	51
4.3	Peruntukan Masa Untuk Berehat Ketika Belajar	52
4.4	Keperluan Membahagikan Masa Mengikut Perkiraan Jam Kredit	53
4.5	Keperluan Membahagikan Masa Yang Sama Rata Bagi Semua Subjek	53
4.6	Keperluan Memperuntukkan Masa Untuk Riadah	54
4.7	Keperluan Jadual Pengurusan Masa	55
4.8	Keperluan Menyediakan Masa Yang Cukup Untuk Mengulangkaji Pelajaran	55
4.9	Keperluan Merancang Masa Yang Terluang	56
4.10	Keperluan Membahagikan Masa Yang Sesuai Bagi Setiap Subjek Yang Dipelajari	57
4.11	Keperluan Menyediakan Masa Mengulangkaji Yang Lebih Bagi Subjek Yang Sukar Difahami	58

4.12	Keperluan Membuat Perancangan Masa Bagi Melaksanakan Aktiviti Hujung Minggu	59
4.13	Keperluan Menyenaraikan Matlamat Pada Setiap Semester	60
4.14	Keperluan Menetapkan Sendiri Tarikh Akhir Tugas	60
4.15	Keperluan Melaksanakan Tugas Mengikut Keutamaan	61
4.17	Keperluan Menyediakan Ruang Masa Untuk Merehatkan Fikiran	63
4.18	Keperluan Pihak Universiti Menyediakan Satu Jadual Pengurusan Masa	63
4.19	Analisis Keseluruhan Keperluan Jadual Pengurusan Masa	64
4.20	Analisis Deskriptif Item Yang Perlu Ada Dalam Membentuk Jadual Pengurusan Masa	66
4.21	Mengatasi Sikap Suka Menangguhkan Kerja	67
4.22	Membantu Meningkatkan Tahap Prestasi Akademik	68
4.23	Membantu Mengatakan TIDAK	69
4.24	Membantu Memastikan Masa Ulangkaji Sentiasa Kemas dan Teratur	70
4.25	Membantu Mengawal Masa Dengan Baik	70
4.26	Membantu Merancang Aktiviti Sepanjang Minggu	71
4.27	Membantu Menyeimbangkan Aktiviti Akademik Dan Sosial	72
4.28	Membantu Menyiapkan Tugas Oleh Pensyarah	72
4.29	Analisis Keseluruhan Kepentingan Jadual Pengurusan Masa	73
5.1	Item Yang Sangat Perlu Ada Dalam Jadual Pengurusan Masa Pelajar Kejuruteraan Secara Jarak Jauh	79
5.2	Item Yang Perlu Ada Dalam Jadual Pengurusan Masa Pelajar Kejuruteraan Secara Jarak Jauh	79
5.3	Contoh Jadual Keutamaan Kerja	82
5.4	Contoh Jadual Masa Harian	84
5.5	Contoh Jadual Perancangan Harian	86
5.6	Contoh Jadual Perancangan Mingguan	86

SENARAI RAJAH

NO. RAJAH	TAJUK	MUKA SURAT
2.1	Situasi Pengajaran dan Pembelajaran Bilik Darjah	22
2.2	Situasi Pengajaran Pembelajaran Bebas	23



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI SINGKATAN

IPT	-	Institut Pengajian Tinggi
IPTA	-	Institut Pengajian Tinggi Awam
PJJ	-	Pendidikan Jarak Jauh
SPSS	-	Statistical Package For Social Science
USM	-	Universiti Sains Malaysia



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

SENARAI LAMPIRAN

LAMPIRAN	PERKARA	MUKA SURAT
LAMPIRAN A	Borang Soal Selidik	94
LAMPIRAN B	Analisis Statistik Deskriptif	100



PTTA UTHM
PERPUSTAKAAN TUNKU TUN AMINAH

BAB I

PENDAHULUAN

1.1 Pengenalan

Pendidikan jarak jauh ialah kaedah pembelajaran atau penyampaian maklumat secara jarak jauh yang telah lama wujud di dunia ini. Jika kita melihat dari segi sejarah permulaan perkembangan agama Islam di dunia ini, kaedah atau penyampaian maklumat dan ilmu pengetahuan yang ingin disampaikan secara jarak jauh kepada seseorang atau kumpulan yang berjauhan telah digunakan secara meluas pada masa itu. Nabi Muhammad S.A.W menyampaikan berita tentang kebenaran dan kejitan Islam kepada Maharaja Habshi di Benua Afrika yang ketika itu menganut agama Kristian menerusi perutusan salah seorang dari panglima baginda. Hal ini telah dapat menyedarkan Maharaja Habshi tentang kewujudan agama daripada Allah S.W.T yang diturunkan kepada Rasul pilihan-Nya. Kaedah ini turut digunakan oleh para khalifah Islam untuk menyampaikan sebarang maklumat kepada para panglima di medan pertempuran ataupun kepada mereka yang berada di negeri yang berjauhan. Mereka sentiasa berhubung secara jarak jauh iaitu menerusi surat dan juga kenderaan iaitu kuda. Ini telah memberi kenyataan bahawa penyampaian maklumat atau penyampaian ilmu pengetahuan secara jarak jauh ternyata berkesan.

Kaedah penyampaian maklumat secara jarak jauh telah memainkan peranan penting dalam kehidupan dan perkembangan tamadun manusia. Di negara ini sendiri, bidang pendidikan merupakan bidang terpenting dan paling diberikan tumpuan oleh kerajaan untuk mencapai Wawasan 2020 yang telah diilhamkan oleh Perdana Menteri Malaysia iaitu Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamad. Bagi melahirkan lebih ramai rakyat yang berilmu pengetahuan tinggi, negara telah menubuhkan pelbagai program pendidikan agar semua rakyat di negara ini dapat terus menuntut ilmu walaupun telah bekerja dan sebagainya. Salah satu daripadanya ialah program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ).

1.2 Latar Belakang Masalah

Ramai penyelidik dalam program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) telah mengkaji dan mencuba pelbagai gaya dan strategi dalam proses pengajaran dan pembelajaran untuk meluaskan lagi peluang pendidikan yang tidak boleh ditangani oleh sistem pembelajaran tradisional iaitu kaedah bersemuka dengan guru. Antaranya ialah pembelajaran gaya pos, pembelajaran luar kampus, pembelajaran bebas, pengajian luar, pembelajaran terbuka dan pembelajaran jarak jauh. Setiap organisasi mempunyai cara pendekatan yang tersendiri untuk melancar dan melaksanakan PJJ. Sistem pengurusan bagi program tersebut juga akan berubah mengikut masa dan perkembangan pendidikan. Sebagai contoh, di Universiti Sains Malaysia (USM), ia bermula pada tahun 1971 dengan nama 'Pengajian Luar Kampus' yang kemudiannya bertukar kepada 'Pendidikan Jarak Jauh (PJJ)'.

Pengajian luar kampus ialah satu bentuk pengajian tinggi yang tidak memerlukan pelajar hadir di universiti di mana bahan kursus akan dipos dan pelajar

hanya akan menduduki peperiksaan di pusat-pusat wilayah yang telah ditetapkan. PJJ pula ialah satu cara pengajaran dan pembelajaran yang hampir keseluruhannya dibuat di luar kampus, tidak bersemuka dengan guru, menggunakan media cetak sendiri dan media telekomunikasi seperti telesidang audio-grafik dan telesidang video. PJJ di USM tersebut telah dikenali sebagai pendidikan gaya pos, iaitu sebahagian besar proses pengajaran dan pembelajaran dilakukan secara sendiri menggunakan bahan cetak dan disokong oleh media telekomunikasi. Ini bertujuan untuk meningkatkan proses pengajaran dan pembelajaran.

Di Universiti Sains Malaysia, Pusat Pendidikan Jarak Jauh menghantar modul belajar cetak, slaid, pita rakaman audio dan pita rakaman video (untuk kursus tertentu sahaja) kepada pelajar yang mengikuti program PJJ. Tugas diberi kepada pelajar dan dikembalikan kepada pensyarah untuk diperiksa. Gred dan maklum balas tentang tugas akan disampaikan bersama-sama dengan tugas. Bagi sesi interaksi di antara pensyarah dan pelajar, telesidang audio-grafik atau telesidang video bagi tiap-tiap pusat wilayah diwujudkan. Seorang tutor residen dan seorang pembantu pengajar sambilan ditempatkan untuk membantu pengajaran audiografik dan telesidang video. Kursus intensif selama tiga minggu dalam satu tahun akademik diwajibkan bagi setiap pelajar PJJ. Ini memberi peluang kepada pelajar dan pensyarah berinteraksi secara bersemuka.

Oleh itu, menurut Yusop Hashim dan Sharifah Alwiah Alsagoff (1999), pendekatan sistem PJJ yang diamalkan di Institusi PJJ ialah:

- a. Pemisahan guru dengan pelajar
- b. Penggunaan media cetak dan bukan cetak secara sistematik.
- c. Penggunaan kelas telesidang untuk mewujudkan komunikasi dua hala.
- d. Perjumpaan bersemuka secara paling minimum.

Sistem pengurusan masa yang efektif dalam diri pelajar dapat menjamin dan memastikan segala kaedah yang dijalankan tersebut berjalan lancar dan berkesan. Bagi pelajar-pelajar Pendidikan Jarak Jauh (PJJ), mereka terpaksa mengatur aktiviti dengan bijak memandangkan mereka terikat dengan pelbagai tanggungjawab seperti tanggungjawab terhadap kerja, tanggungjawab terhadap keluarga dan juga tanggungjawab sebagai seorang pelajar itu sendiri. Salah satu cara untuk mengatasi masalah tersebut ialah dengan penggunaan jadual pengurusan masa. Oleh itu, kajian ini akan memfokuskan kepada keperluan jadual pengurusan masa bagi pelajar yang mengikuti program pendidikan jarak jauh dalam bidang kejuruteraan di Universiti Sains Malaysia (USM) dan kemudiannya menggunakan hasil dapatan yang diperolehi ke arah cadangan untuk membina jadual pengurusan masa bagi pelajar kejuruteraan secara jarak jauh sebagai panduan kepada mereka dalam melaksanakan aktiviti akademik dan bukan akademik.

1.3 Pernyataan Masalah

Dalam sistem Pendidikan Jarak Jauh (PJJ), kaedah pengajaran dan pembelajaran memainkan peranan penting dalam menentukan kejayaan program PJJ tersebut. Antara perkara yang mempengaruhi keberkesanan kaedah pengajaran dan pembelajaran tersebut ialah sistem pengurusan masa para pelajar yang mengikuti program PJJ di negara ini. Kebanyakan pelajar yang mengikuti program PJJ di negara ini telah bekerja dan mempunyai masa yang terhad dalam menjalankan aktiviti-aktiviti mereka. Para pelajar PJJ perlu bijak menguruskan masa bagi memastikan aktiviti pengajaran dan pembelajaran mereka tidak terganggu. Mereka juga perlu memastikan tugas harian mereka seperti bekerja, beriadah dan masa bersama keluarga dapat dilaksanakan dengan sempurna. Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa pelajar yang mengikuti program PJJ perlu bijak membahagikan masa dengan berkesan. Namun

dilaksanakan dengan sempurna. Sememangnya tidak dapat dinafikan bahawa pelajar yang mengikuti program PJJ perlu bijak membahagikan masa dengan berkesan. Namun begitu, tiada manual jadual pengurusan masa dibina untuk pelajar Pendidikan Jarak Jauh terutamanya bagi pelajar kejuruteraan untuk dijadikan sebagai panduan dalam mengatur aktiviti mereka.

Kajian ini akan memfokuskan kepada pengurusan masa bagi pelajar yang mengikuti program pendidikan jarak jauh dalam bidang kejuruteraan di Universiti Sains Malaysia (USM). Hasil dapatan yang diperolehi boleh digunakan ke arah pembinaan jadual pengurusan masa bagi pelajar kejuruteraan secara jarak jauh. Pengurusan masa bagi pelajar kejuruteraan secara jarak jauh bukan sahaja diperlukan kerana para pelajar mempunyai masa yang terhad untuk mentelaah pelajaran dan melaksanakan aktiviti harian mereka tetapi juga ia perlu bagi meningkatkan prestasi akademik para pelajar.

1.4 Persoalan Kajian

- a. Sejauh manakah pelajar-pelajar yang mengikuti program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) aliran kejuruteraan di Universiti Sains Malaysia (USM) memerlukan jadual pengurusan masa?
- b. Apakah item-item yang diperlukan untuk membentuk jadual pengurusan masa bagi pelajar-pelajar kejuruteraan secara jarak jauh?
- c. Bagaimanakah jadual pengurusan masa mampu membantu pelajar Pendidikan Jarak Jauh aliran kejuruteraan Universiti Sains Malaysia mengatur aktiviti mereka?

1.5 Objektif Kajian


Setiap kajian yang dijalankan perlulah mempunyai objektif yang tertentu bagi mendapatkan hasil yang terbaik. Kajian yang akan pengkaji jalankan adalah bertujuan untuk:

- a. Mendapatkan pandangan pelajar-pelajar yang mengikuti program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) aliran kejuruteraan di Universiti Sains Malaysia (USM) sama ada mereka memerlukan jadual pengurusan masa atau tidak.
- b. Mengenal pasti item-item yang diperlukan ke arah membina satu manual jadual pengurusan masa bagi pelajar kejuruteraan secara jarak jauh.
- c. Melihat bagaimana jadual pengurusan masa mampu membantu pelajar Pendidikan Jarak Jauh aliran kejuruteraan di Universiti Sains Malaysia (USM) mengatur aktiviti mereka.



1.6 Kerangka Teori

Kerangka teori ini menggambarkan perjalanan kajian ini secara keseluruhan dan juga aspek-aspek penting yang terlibat untuk menghasilkan kajian ini:



1.7 Kepentingan Kajian

- 1.7.1 Kajian yang dijalankan akan dapat membantu pelajar-pelajar yang mengikuti program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) khususnya dalam bidang kejuruteraan menguruskan masa dengan bijak bagi melaksanakan segala aktiviti harian dan mingguan mereka.
- 1.7.2 Kajian yang dijalankan dapat membantu pelajar-pelajar yang ingin melanjutkan pelajaran secara jarak jauh dalam aliran kejuruteraan menguruskan masa dengan baik.
- 1.7.2 Kajian yang dijalankan akan dapat mencadangkan kepada pihak-pihak yang terlibat khususnya Kementerian Pendidikan Malaysia bagi membina satu manual jadual pengurusan masa bagi pelajar kejuruteraan secara jarak jauh.
- 1.7.4 Kajian ini dapat menghasilkan satu cadangan untuk membina satu jadual pengurusan masa yang boleh digunapakai oleh pelajar-pelajar Pendidikan Jarak Jauh dalam bidang kejuruteraan.

1.8 Skop Kajian

Kajian ini akan dijalankan di sebuah Institut Pendidikan Tinggi Awam (IPTA) yang telah lama menawarkan program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) di negara ini iaitu Universiti Sains Malaysia (USM). Kajian ini hanya akan meliputi perkara-perkara berikut:

1.8.1 Tahap keperluan jadual pengurusan masa di kalangan pelajar-pelajar yang mengikuti program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) aliran kejuruteraan di Universiti Sains Malaysia (USM).

1.8.2 Item yang diperlukan untuk membentuk satu jadual pengurusan masa bagi pelajar-pelajar kejuruteraan secara jarak jauh.

1.8.3 Kemampuan jadual pengurusan masa dalam membantu pelajar Pendidikan Jarak jauh aliran kejuruteraan Universiti Sains Malaysia (USM) mengatur aktiviti mereka.

1.9 Batasan Kajian

1.9.1 Dilaksanakan dalam kekangan masa dan kewangan.

1.9.2 Pengkaji tidak boleh memilih sampel yang terlalu ramai kerana menggunakan soal-selidik melalui pos dan memerlukan kerjasama yang tinggi daripada responden untuk memberi respon.

1.9.3 Ketepatan kajian ini adalah bergantung kepada kejujuran responden memberikan jawapan dan pandangan mereka dalam setiap soalan yang dikemukakan secara ikhlas tanpa sebarang prejudis.

1.10 Definisi Istilah Dan Pengoperasian

‘Pengurusan Masa Pelajar Kejuruteraan Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) di Universiti Sains Malaysia (USM): Ke Arah Pembinaan Jadual Pengurusan Masa Pelajar Kejuruteraan Secara Jarak Jauh.’

1.10.1 Pengurusan Masa

Menurut Jaafar Muhamad (2000), pengurusan didefinisikan sebagai unsur-unsur yang mengandungi fungsi-fungsi yang terdiri daripada perancangan, pengorganisasian dan pengawalan. Perkataan masa pula menurut Kamus Dewan (2000) bermaksud jangka waktu yang tertentu dan mempunyai batas. Menurut Omardin Ashaari (1998), pengurusan masa merujuk kepada mengurus atau mengatur masa bagi melakukan pelbagai jenis urusan sama ada dalam bentuk rasmi dan juga peribadi.

Untuk kajian ini, pengurusan masa bermaksud penggunaan masa oleh pelajar yang mengikuti program Pendidikan Jarak Jauh (PJJ) aliran kejuruteraan di Universiti Sains Malaysia (USM) bagi melaksanakan setiap segala aktiviti dalam jangka waktu yang telah diperuntukkan mengikut kesesuaian.

BIBLIOGRAFI

- Arifah Mohd taib (2002). "Mengkaji corak pengurusan Masa:Kaitannya dengan Prestasi Akademik dan Peribadi Pelajar." Johor:KUiTTHO.
- Best, J. W. and Khan, J. V. (1998). "Research in Education." 8th ed. Needham Height: M.A. Allyn & Bacon.
- Blaxter, L., Huges, C. and Tight, M. (2001). "How to Research." 2nd ed. Buckingham: Open Universiti Press.
- Burgstahler, S. (2002). "Distance Learning: Universal Design, Universal Access." *Educational Technology Review Issue 2. 10.*
- Burns, A. C. and Bush, R. F. (1998). "Marketing Research: An Applied Orientation. 2nd ed. United States: Prentice-Hall Inc.
- Farizan Zakaria (2002). "Pembinaan Modul Sistem Pengurusan Masa Pembelajaran Harian Bagi Pelajar di Kolej Universiti Teknologi Tun Hussein Onn, Batu Pahat, Johor." Johor: KUiTTHO
- Ferner, J. D. (1980). "Successful Time Management." North California: Library of Congress Cataloging in Publication Data.
- Grondlung, N. E. and Linn, R. L. (1990). "Measurement & Evaluation in Teaching." New York: Mac Millan Publisher.
- Hornby, A. S. (1995). "Oxford Advanced Learners Dictionary of Current English." Oxford: Oxford University Press.

Ismail Ahmad (1995). "Siri Pembelajaran Berkesan." Petaling Jaya:Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Jaafar Muhamad (2000). "Asas Pengurusan." Edisi kedua. Selangor: Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.

Karsono Ahmad Darsuki (1993). "Konsep dan Sistem Pendidikan Jarak Jauh." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.

Kembek Ramlee (2003). "Modul Pembelajaran Kendiri (MPK) bagi Mata Pelajaran Perakauanan Kewangan II dalam Tajuk Perkongsian I untuk Pelajar Kursus Diploma Akauntasi Semester 3 di Politeknik Ungku Omar." Johor: KUiTTHO.

Khadijah Md. Ali (2000). "Keberkesanan Pengurusan Masa di Kalangan Pelajar Diploma Seni Bina: Satu Tinjauan di Politeknik Sultan Haji Ahmad Shah."Johor: KUiTTHO.

Lilina Mohd (2003). "Tinjauan Amalan Pengurusan Masa di Kalangan Pelajar Lemah dan Cemerlang Dalam Sistem Penasihat Akademik Pensyarah di Pusat Pengajian Kemanusiaan dan Komunikasi." Johor: KUiTTHO.

Md. Noor Salleh (1993). "Pendidikan Jarak Jauh: Perkembangan dan Pelaksanaannya dalam Pendidikan Tinggi." Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia.

Mohamad Najib Abdul Ghafar (1999). "Penyelidikan Pendidikan." Johor: Universiti Teknologi Malaysia.

- Mohd. Majid Konting (1998). "Kaedah Penyelidikan Pendidikan." Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Moore, M. G. and Kearsley (1996). "Distance Education: A System View." Belmont, CA: Wadsworth.
- Noraini Ahmad (1994). "Pengurusan Masa: Bagaimana Meleraikan diri Daripada Perangkap Masa." Kuala Lumpur: Berita Publishing Sdn Bhd.
- Omardin Ashaari (1998). "Pengurusan Masa." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Pusat Pendidikan Jarak jauh (). "Rancangan Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Secara Jarak Jauh." Universiti Sains Malaysia. Risalah tidak diterbitkan.
- Roshan Hj. Mohammad Idrus (1999). "Khidmat Sokongan Pembelajaran dalam Sistem Pendidikan Jarak Jauh." Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Rosida Ahmad (2002). "Ke Arah Pembangunan E-Modul Pengajaran dan Pembelajaran: Satu Tinjauan Program Latihan Perisian Blackboards Terhadap Pensyarah KUiTTHO.." Johor: KUiTTHO.
- Salkind, N. J. (2000). "Exploring Research." 4th. ed. New Jersey: Prentice-Hall.
- Soles, C. and Moller, L. (2001). "Myers Briggs Type Preferences in Distance Learning Education." *International Journal of Educational Technology*. 2.
- Szarina Abdullah (1997). "Managing Technology Through Cooperation." International Conference of Distance and Open Learning. Pulau Pinang: Universiti Sains Malaysia

Walliman, N. (2001). "Your Research Project: A Step-By-Step Guide For The First Time Researcher." London: SAGE Publications.

Yusup Hashim dan Sharifah Alwiah Alsagoff (1999). "Pendidikan Jarak Jauh: Teori & Amalan." Selangor: Dewan Bahasa dan Pustaka.

INTERNET

Amer Shakir Zainol (2003). "Membina Kendiri Unggul Berkarisma." Diakses dari <http://www.sabah.net.my/juipri/masa.htm> : 14 Januari 2003

Syed hassan Alatas (2001). "Pengurusan Masa (1)." Diakses dari <http://www.perkasa.net/shiar-islam/masa>: 14 Januari 2003.

<http://members.tripod.com/bijakcemerlang/motivasi.htm> : 12 Disember 2003.



PTAA
PERPUSTAKAAN TUN AMINAH